

# GERAKAN PEMISAH ASIA TENGGARA: SATU PERBANDINGAN CABARAN DI PATTANI, THAILAND DAN TIMOR TIMUR, INDONESIA

**MOHD. AINUDDIN ISKANDAR LEE ABDULLAH**

*Sekolah Pembangunan Sosial  
Universiti Utara Malaysia*

*Gerakan pemisahan di Asia Tenggara teretus rentetan daripada tindak balas puak minoriti terhadap pemerintah yang dianggap mencabul hak asasi serta kebebasan mereka. Konsep 'self-determination' atau keiltizaman dalam hak penentuan untuk memerintah sendiri menjadi titik perjuangan para pejuang gerakan pemisah Asia Tenggara ke arah membebaskan diri daripada belenggu pihak pemerintah yang dianggap masih menjajah hak kebebasan mereka. Puak minoriti di kawasan sekitaran Asia Tenggara khususnya masyarakat Islam Melayu di Pattani, Selatan Thailand dan masyarakat di Timor Timur, Indonesia menghadapi dilema dari pihak pemerintahan serta pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi menentukan halatuju perjuangan mereka. Cabaran yang dihadapi oleh puak minoriti gerakan pemisahan ini disifatkan agak kritikal tetapi pengalaman di kedua-dua negeri ini adalah berbeza akibat kewujudan 'double standard' oleh pihak PBB dalam menyelesaikan masalah konflik dan kedudukan masyarakat minoriti di rantau Asia Tenggara. Perjuangan ke arah kebebasan memiliki negara sendiri akhirnya memperlihatkan Timor Timur berjaya dalam membebaskan diri tetapi masyarakat Islam Pattani masih bergelumang dalam kancah 'self determination'.*

## PENGENALAN

*" ...from the perspective of the separatist movements and other rebellions that were intrinsic part of that decolonization process... "*

*(Christie, 1996:vii)*

Kemunculan gerakan pemisahan di rantau Asia Tenggara kebanyakannya berkait rapat dengan proses penjajahan pihak kolonial barat ataupun kerajaan pusat. Negeri-negeri yang mengalami pengalaman mula bangkit satu persatu untuk mendapatkan hak autonomi pemerintahan sendiri. Aspek '*self-determination*' atau keiltizaman dalam hak penentuan untuk memerintah menjadi titik perjuangan para pejuang gerakan pemisah ke arah membebaskan diri daripada belenggu pihak pemerintah yang masih menjajah hak kebebasan mereka. Namun, sejauh manakah keberkesanan mereka dalam memperjuangkan hak kebebasan menerusi gerakan-gerakan pemisahan masih menjadi persoalan. Ini disebabkan negeri-negeri terutamanya puak minoriti di kawasan sekitaran Asia Tenggara menghadapi dilema dari pihak pemerintahan dan pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi menentukan halatuju perjuangan mereka. Oleh hal demikian, artikel ini akan mengupas secara perbandingan aspek faktor-faktor kemunculan gerakan pemisahan serta halangan-halangan gerakan pemisah di wilayah Pattani di Selatan Thailand dan wilayah Timor Timur di Indonesia.

## **WILAYAH PATTANI**

### **Faktor-Faktor Kebangkitan Gerakan Pemisahan**

Masalah dan dilema masyarakat Melayu Pattani sebenarnya didorongi oleh faktor politik, bukannya faktor budaya dan agama sebagaimana difahami oleh sesetengah sarjana. Namun demikian, setelah Pattani berjaya diserapkan ke dalam wilayah Thailand faktor-faktor seperti agama, bahasa, ekonomi dan sosial budaya telah menyumbang kepada keadaan yang lebih kritikal terhadap perkembangan konflik tersebut (UThailand Dulyakasem, 1984). Masyarakat Melayu Pattani mendapat layanan yang buruk dari pihak Siam sejak Pattani tewas kepada Siam pada 1786. Dalam masa ini, sudah terdapat perkara yang menunjukkan wujudnya pencabulan hak kebebasan dan hak asasi manusia di wilayah Pattani. Peperangan sering terjadi dan apabila golongan Melayu Pattani tewas, mereka akan dijadikan tawanan perang dan dilayan dengan buruk oleh pihak Siam. Contohnya, pada 1786 tawanan perang diikat tangan dan kakinya dengan rotan dan dibawa ke Bangkok. Tawanan perang ini berjalan kaki sehingga sejauh seribu tiga ratus kilometer. Di samping itu juga, mereka dikerah untuk mengali terusan-terusan di Bangkok dengan tangan mereka yang masih terikat (Pattani National Youth Movement, [http:// www. Geocities. Com/capitol hill/senat/6492/panyom /hist.htm](http://www.Geocities.Com/capitol_hill/senat/6492/panyom/hist.htm)). Peristiwa di atas jelas begitu jelas menunjukkan layanan buruk yang diterima oleh masyarakat Pattani yang akhirnya membawa kepada kemunculan gerakan pemisahan.

Menyingkap sejarah perjuangan gerakan pemisahan di wilayah Pattani, ia telah bermula sejak zaman pemerintahan Raja Chulalongkorn. Walaupun dianggap sebagai raja Siam yang berjaya memaju serta memodenkan Siam sekaligus menyelamatkan Siam daripada bahaya imperialisme Inggeris dan Perancis. Namun bagi masyarakat Melayu Pattani, Chulalongkorn tidak begitu disenangi kerana tindakan dan rancangan beliau banyak mengganggu gugat kepentingan masyarakat Melayu Pattani. Terdapat dua aspek utama yang menaikkan sentimen gerakan pemisahan. Pertama, kerana semasa pemerintahan Chulalongkorn suatu dasar penyusunan wilayah telah diperkenalkan. Sistem yang dinamakan *Thesaphiban* pula bertujuan untuk mewujudkan integrasi kebangsaan serta mengukuhkan kedudukan wangsa Chakri. Ia dilancarkan pada ketika pembesar-pembesar Pattani sedang berusaha mendapatkan bantuan asing bagi memperjuangkan hak dan kuasa autonomi mereka. Lanjutan daripada sistem ini ialah penghapusan langsung institusi raja-raja Melayu dalam tujuh buah negeri Pattani pada tahun 1902 (Ahmad Fathy al-Fatani, 1994).

Dasar-dasar dan tindakan kerajaan Thailand terhadap Melayu Pattani tersebut menyumbang kepada pembentukan gerakan pemisahan di Pattani. Masalah yang timbul di Pattani bermula selepas pengenalan sistem *Thesaphiban* dan penerapan wilayah yang didiami oleh masyarakat Melayu yang beragama Islam ke dalam pentadbiran pusat di antara tahun 1902-1906 (Abu Talib Ahmad, 1991:74). Sementara itu, sistem Chulalongkorn yang sama juga telah menyebabkan Pattani terserap masuk menjadi sebahagian daripada wilayah kemaharajaan Siam sehingga ke hari ini. Boleh dikatakan kegagalan Inggeris mendapatkan Pattani lewat *Perjanjian Bangkok 1909* adalah berpunca daripada kejayaan Siam mengintegrasikan Pattani terlebih dahulu menjadi sebahagian wilayahnya pada tahun 1902. Chulalongkorn yang mangkat pada tahun 1910 telah digantikan oleh puteranya Vajiravudh (Rama VI). Di bawah pemerintahan Vajiravudh, kerajaan Siam mengubah fahaman patriotisme barat tentang “Tuhan, Raja dan Negara” kepada simbol tradisional Siam yakni “Bangsa, Raja dan Negara”. Dengan ketiga-tiga simbol ini, Vajiravudh meneruskan usaha ayahandanya membentuk sebuah kemaharajaan kebangsaan Siam yang bersatu dan kuat. Oleh hal demikian, usaha-usaha Vajiravudh ini tidak dapat diterima oleh golongan minoriti terutamanya masyarakat Melayu Pattani (Abu Talib Ahmad, 1991:76). Ini memandangkan dasar kerajaan Siam adalah untuk memartabatkan bangsa Siam dan mengeneipkan kepentingan bangsa bukan Siam. Pelaksanaan sistem tersebut telah membangkitkan gerakan pemisahan di Pattani.

Dalam aspek pendidikan pula, tindakan pihak pemerintah yang tidak prihatin terhadap kepentingan masyarakat Pattani telah mengheret kepada penentangan. Contohnya pada 1921 kerajaan Siam telah meluluskan Akta Pelajaran yang mewajibkan kanak-kanak belajar di sekolah kebangsaan Siam yang menggunakan bahasa Siam sebagai bahasa pengantar. Bagi menjayakan rancangan tersebut, pusat-pusat pengajian agama seperti pondok dan masjid diarahkan supaya mengubah dan menyesuaikan sukatan pelajaran mengikut ketetapan kerajaan. Sebaliknya, masyarakat Melayu Pattani enggan menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan yang dikendalikan oleh sami-sami Buddha. Sementara itu, kerajaan Siam juga memaksa penduduk-penduduk tempatan membiayai perbelanjaan sekolah tersebut (Nik Anuar Nik Mahmud, 1999:47). Akibatnya, wujud penentangan secara besar-besaran oleh masyarakat Melayu Pattani pada tahun 1922 dan ini menyebabkan dasar asimilasi dihentikan buat sementara waktu. Selepas peristiwa 1922, Vajiravudh mula memberi perhatian kepada kehendak-kehendak tempatan seperti undang-undang yang diperkenalkan di bahagian selatan mestilah bersesuaian dengan agama Islam. Di samping itu, cukai yang dikenakan ke atas rakyat Pattani pula telah disamakan dengan cukai yang dikenakan ke atas orang Melayu di Tanah Melayu. Bangkok juga telah mengubah dasar perlantikan pegawai yang bertugas di bahagian selatan. Perlu dinyatakan juga bahawa konsesi ini bercanggah dengan nasionalisme Vajiravudh yang bertujuan mewujudkan negara dan bangsa Siam yang bersatu.

Menurut Surin Pitsuwan, sikap berlembut Bangkok ini disebabkan oleh kepentingan politik pusat supaya Pattani terus kekal sebagai wilayah Siam (Abu Talib Ahmad, 1991:137). Pada 24 Jun 1932, semasa pemerintahan Prajadhipok, berlaku perubahan besar dalam sejarah politik Siam di mana sekumpulan pegawai muda tentera dan awam telah merampas kuasa dan menukar sistem pemerintahan negara itu daripada sistem pemerintahan beraja mutlak kepada pemerintahan beraja perlembagaan. Rampasan kuasa pada Jun 1932 membawa harapan baru kepada proses revolusi politik di Siam. Revolusi ini telah memperkenalkan sistem pemerintahan berperlembagaan yang memberi keutamaan kepada kebebasan dan peluang sama rata kepada semua penduduk untuk melibatkan diri dalam proses pemerintahan sendiri. Matlamat revolusi ini adalah untuk mencapai kebahagiaan dan kemakmuran hidup kepada keseluruhan warga negara Siam (Nik Anuar Nik Mahmud, 1999:48). Perubahan ini dialu-alukan oleh masyarakat Melayu Pattani. Di bawah sistem berparlimen ini, masyarakat Melayu Pattani percaya bahawa mereka akan memperoleh konsesi daripada kerajaan pusat untuk mengekalkan kuasa autonomi berhubung agama, budaya dan bahasa mereka. Bagaimanapun, revolusi Siam itu juga telah menjadikan Siam lebih bersemangat kebangsaan

yang bersifat ke'Siam'an daripada sebelumnya. Berasaskan semangat perlembagaan itu pemimpin-pemimpin Siam mula menyusun dasar untuk membentuk sebuah negara Siam yang sejati berasaskan kepada satu agama, bangsa, bahasa dan kebudayaan Siam (Nik Anuar Nik Mahmud, 1999:49).

Semasa pemerintahan Phya Bahol (1933-38), beberapa langkah awal telah diambil oleh kerajaan Siam untuk mengasimilasikan penduduk-penduduk minoriti Melayu Pattani di negara itu melalui sistem pelajaran. Di bawah akta pelajaran itu, semua kanak-kanak yang cukup umur persekolahan diwajibkan belajar di sekolah kerajaan. Keadaan ini telah meletakan masyarakat Melayu Pattani dalam keadaan dilema. Sejak dari awal lagi, pelajaran Siam dijalankan seiring dengan pengajaran agama Buddha. Ini kerana sami-sami Buddha memainkan peranan utama dalam bidang pendidikan, terutamanya dalam usaha menghapus masalah buta huruf. Masyarakat Melayu Pattani menolak pendidikan Siam kerana ia adalah usaha awal kerajaan Siam untuk meng'Siam'kan mereka dan menggalakkan anak-anak Melayu memeluk agama Buddha ataupun sekurang-kurangnya akan meninggalkan tradisi Islam sebagai satu cara hidup. Pada umumnya dasar mengasimilasikan masyarakat Melayu Pattani itu melalui pelajaran menemui kegagalan. Sebaliknya pula langkah tersebut telah menimbulkan kemarahan masyarakat Melayu Pattani (Nik Anuar Nik Mahmud, 1999:49).

Pada bulan Disember 1938, sebuah kabinet 'ultra nasionalis' dibentuk di bawah pimpinan Phibul Songgram. Di bawah kabinet ini dilancarkan dasar *Thailand Rathaniyum* yang bermaksud bahawa hanya ciri-ciri kebudayaan Thailand sahaja yang akan diizinkan dan dibenarkan berkembang di Thailand. Golongan-golongan minoriti lain harus tunduk pada norma-norma Thailand ini. Sebuah kempen yang luar biasa untuk memenuhi hasratnya dilancarkan bagi memasukkan semua cabang ras Thailand dan bukan Thailand ke dalam sebuah entiti politik bangsa Thailand yang kuat dan padu. Gerakan ini dikenali juga dengan nama *Pan Thailand* atau *Thailand Raya* (Ahmad Fathy al-Fatani, 1994:80). Gerakan *Thailand Rathaniyum* ini sangat mengejutkan masyarakat Melayu Pattani. Harapan mereka untuk mendapatkan sebuah autonomi bukan saja tidak berhasil malahan kedudukan mereka yang sedia dinikmati sejak sebelum zaman revolusi makin dipersempitkan (Ahmad Fathy al-Fatani, 1994:81).

Di bawah pentadbiran Phibul Songgram, sistem paksaan dilakukan untuk mengasimilasikan masyarakat Melayu Thailand ini. Lantaran itu, proses asimilasi berlaku dengan cara budaya dan bahasa Melayu diketepikan, undang-undang Islam diketepikan dan digantikan dengan undang-undang agama

Buddha terutamanya dalam soal nikah kahwin dan pembahagian harta pusaka, pemakaian kain sarung dilarang, dan diwajibkan memakai pakaian gaya barat berseluar panjang dan bertopi (Forbes). Meskipun polisi rejim Phibul Songgram wujud, Melayu Thailand masih mempertahankan identiti mereka yang berbeza. Malangnya, apabila Phibul kembali berkuasa dalam rampasan kuasa 1947, Bangkok menghantar petisyen memohon supaya hukuman dikenakan ke atas penduduk yang mempertahankan Islam dalam tahun 1945 semasa ketiadaan Phibul. Phibul memberi maklum balas dengan menangkap pemimpin Melayu Thailand, termasuklah Haji Sulong. Keadaan ini mengakibatkan populasi penduduk di Narathiwat berkurangan akibat sejumlah penduduk yang dianggarkan seramai 2,000 orang masyarakat minoriti Melayu Thailand melarikan diri ke selatan menuju ke Tanah Melayu.

Bersesuaian dengan semangat yang berkembang ketika itu, kerajaan Siam juga berusaha untuk mengawal kehidupan keagamaan penduduk-penduduk di negara itu. Tujuannya adalah untuk menyemaikan semangat kasihkan negara itu dengan *Buddhisme*. Ini adalah satu-satunya langkah kerajaan pada ketika itu yang menyakitkan hati masyarakat Melayu Pattani. Masyarakat Melayu Pattani tidak dibenarkan menggunakan nama Melayu, pakaian Melayu bercakap dan menulis bahasa Melayu serta mempelajari agama Islam. Sebab lain yang mencetuskan kemarahan masyarakat Melayu Pattani ialah tindakan Phibun Songgram menghapuskan undang-undang Islam. Sejak Chulalongkorn melaksanakan reformasi pentadbiran, urusan kekeluargaan berhubung dengan nikah kahwin dan harta pusaka telah dikecualikan daripada undang-undang Siam dan diserahkan kepada majlis agama Islam tempatan untuk menguruskannya. Tetapi semasa pemerintahan Pibul pengecualian ini telah dihapuskan. Dalam tahun 1944, jawatan kadi telah dihapuskan. Kesemua masalah yang berkaitan dengan soal nikah kahwin dan harta pusaka telah diuruskan berasaskan undang-undang sivil (Nik Anuar Nik Mahmud, 1999:51). Signifikasinya, beberapa aspek ketidakadilan yang dijalankan oleh pemerintah Siam telah membangkitkan semangat ke arah gerakan pemisahan di kalangan masyarakat MelayuPattani.

Selepas Perang Dunia Kedua polisi untuk menghancurkan identiti masyarakat Melayu Pattani tidak berubah dan tidak kelihatan berakhir. Phibul Songgram yang kembali memerintah (1948–1957) telah melanjutkan program asimilasinya. Phibul tidak membenarkan masyarakat Melayu Pattani bercakap dalam bahasa Melayu, memaksa masyarakat Pattani berpakaian seperti orang Thailand dan sekolah-sekolah Melayu Pattani dihalang meneruskan operasinya. Pada masa pemerintah Marshall Sarit Thanarat, masyarakat Melayu Pattani digelar *Thailand Muslim* dan polisi diperketatkan agar orang

Melayu di'Siam'kan dalam tempoh 25 tahun. Semua sekolah Melayu Islam dan institusi pengajian agama mestilah dipunyai oleh pihak berkuasa kerajaan. Agama Buddha dan etikanya dijadikan pelajaran yang wajib diajar (Pattani National Youth Movement, <http://www.Geocities.com/capitolhill/6492/panyom/hist.html>).

Implikasinya, ia telah menimbulkan kemarahan yang ketara di kalangan masyarakat Melayu Pattani. Justeru, usaha gerakan pemisahan mula muncul demi mempertahankan maruah bangsa, agama dan kebudayaan mereka agar tidak ditenggelami dengan dasar asimilasi oleh kerajaan Thailand. Cubaan Pibul Songgram untuk mengasimilasikan masyarakat Melayu Muslim ini dilakukan melalui dasar integrasi secara paksaan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa tindakan regim Phibul menimbulkan kemarahan penduduk Melayu Muslim. Haji Sulong, pemimpin masyarakat Pattani, telah menyuarakan ketidakpuasannya pada tahun 1947 dan melancarkan beberapa siri tuntutan dan penentangan.

Aspek keagamaan juga turut mengundang kepada sentimen kebangkitan penentangan masyarakat Melayu Pattani terhadap pemerintahan Thailand. Terdapat fakta yang menunjukkan bahawa para pegawai kerajaan sering menimbulkan masalah dan sering bersikap kejam terhadap masyarakat Melayu Pattani. Contohnya, sepasukan marin Thailand di daerah Teluban, wilayah Pattani telah menangkap lima pelajar Melayu di jambatan Kota dan memaksa mereka menyembah imej Buddha. Apabila pelajar-pelajar ini enggan berbuat demikian, mereka telah dibunuh dan mayat mereka telah dibuang ke dalam Sungai Kota.

Peristiwa pembunuhan kejam tersebut telah menyebabkan setengah juta masyarakat Melayu Pattani mengadakan demonstrasi terhadap kerajaan Thailand selama 44 hari pada akhir Disember 1975 menuntut tindakan diambil terhadap penjenayah-penjenayah tersebut. Perdana Menteri Thailand ketika itu Kukrit Paramoj telah berjanji untuk menyiasat kes tersebut namun sampai kini masih belum ada berita mengenai perkembangan kes tersebut (Pattani National Youth Movement, [http://www.Geocities.com/capitol\\_hill/senat/6492/panyom/hist.html](http://www.Geocities.com/capitol_hill/senat/6492/panyom/hist.html)).

Proses pengasimilasian terus berlaku, dan dalam tahun 1960-an sekali lagi pengasimilasian melalui sistem pendidikan dilaksanakan. Guru-guru yang terdiri daripada sami Buddha dihantar untuk mengajar ke sekolah-sekolah baru serta sekolah-sekolah pondok yang telah lama wujud. Di samping itu kurikulum berbentuk sekular ditekankan dan bahasa Thailand menjadi bahasa

pengantar di setiap sekolah tersebut. Perubahan sistem pendidikan di sekolah-sekolah pondok dianggap oleh masyarakat Melayu sebagai serangan ke atas institusi Islam yang menyebabkan kualiti penghayatan agama serta pendidikan agama semakin berkurang. Kepada sesetengah orang Islam, situasi ini merupakan ancaman serius kepada komuniti Islam (Che Man, 1990:32). Selain proses asimilasi, kerajaan Thailand mengamalkan sistem pentadbiran yang tidak disenangi oleh orang Melayu Muslim. Hal ini disebabkan, golongan pentadbiran yang berpusat di wilayah Selatan kebanyakannya terdiri daripada bukan orang Islam. Orang Islam langsung tidak dilantik sebagai Pegawai Senior di peringkat wilayah. Ditambah pula, Pegawai Thailand tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu walaupun telah beberapa tahun berpusat di selatan.

Tindakan dan dasar yang diaplikasikan oleh pemerintah Thailand terhadap Wilayah Melayu Pattani mencetuskan gerakan pemisahan yang disemarakkan oleh kebangkitan beberapa pertubuhan. Barisan Nasional Pembebasan Pattani (*Pattani National Liberation Front* - BNPP) adalah kumpulan konservatif Islam yang merupakan pertubuhan gerakan pemisahan yang terawal. Tujuannya adalah untuk memperjuangkan serta mengembalikan semula Kesultanan Pattani, dan berhasrat untuk menjadi sebahagian daripada Malaysia. Barisan Revolusi Nasional (*National Revolutionary Front* - BRN), berpegang kepada revolusi sosialis dan menuntut kemerdekaan sendiri sebagai kerajaan Pattani. Pertubuhan yang paling tersusun dan mempunyai sistem militan, adalah *Pattani United Liberation Organisation* (PULO) yang ditubuhkan dalam tahun 1968.

### **Cabaran-Cabaran Yang Menghalang Gerakan Pemisahan**

Walaupun pihak pejuang pemisah melaksanakan pelbagai cara untuk mendapat satu autoriti wilayah yang berasingan dari pihak Thailand, namun mereka menghadapi banyak kesulitan sama ada di peringkat wilayah mahupun di peringkat antarabangsa. Contohnya, pada 8 November 1947, apabila Phibul Songgram kembali berkuasa semula selepas melancarkan satu *coup d'etat* yang memaksa Pridi lari ke luar negara. Akibatnya perlembagaan baru digantung dan Pibul kembali menyalahgunakan kuasa terutamanya dalam meneruskan dasar *Rathaniyum*. Pemimpin-pemimpin Melayu daerah Pattani telah membuat rayuan ke London meminta British supaya tidak mengiktiraf regim Phibul dan memohon supaya menangani nasib dan masa depan mereka di Pattani (Ahmad Fathy al-Fatani, 1994:89). Apa yang mendukacitakan, usaha-usaha yang dilakukan oleh pemimpin Melayu ini menemui jalan buntu. Akhirnya masyarakat Melayu Pattani meneruskan perjuangan mereka dengan



menubuhkan pelbagai pergerakan politik dan gerakan pemisahan yang berlanjutan hingga kini.

Kerajaan Thailand turut menggunakan kesempatan ini untuk mengutarakan isu para pejuang pemisah dan kemerdekaan Pattani berhubung dengan perjanjian sempadan. Justeru itu, kerajaan Thailand telah menekankan bahawa sekiranya British ingin menjayakan kerjasama sempadan ini, kerajaan British perlu bertindak ke atas pergerakan para pejuang pemisahan wilayah-wilayah Selatan Thailand dan menghentikan bantuan dan sokongan kepada mereka. Persidangan tersebut akhirnya menjadi medan tawar-menawar di antara pihak Persekutuan Tanah Melayu dengan kerajaan Thailand. Akhirnya, Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk tidak menggalakkan aktiviti-aktiviti pemisahan di Kelantan atau mana-mana wilayah di semenanjung Tanah Melayu sekiranya kerajaan Thailand memberi sokongan ketenteraan dalam usaha membanteras kegiatan pengganas komunis di sepanjang sempadan pada pertengahan abad ke-20 (Nik Anuar Nik Mahmud, 1999:99).

Dalam tahun 1948, seramai 250,000 masyarakat Melayu Thailand menandatangani petisyen memohon Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk bersetuju dalam isu penarikan diri wilayah selatan dari Thailand serta rancangan untuk bergabung dengan pembentukan Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, Phibul Songgram menumpaskan pemimpin yang mengutarakan idea tersebut serta menangkap ramai pemimpin yang menandatangani petisyen tersebut. Hubungan antara kerajaan Thailand dan wilayah selatan semakin keruh apabila Haji Sulong dan tiga pengikutnya hilang pada tahun 1954 yang dipercayai dibunuh oleh Polis Thailand.

Apa yang dapat diperhatikan di sini adalah berhubung sikap kerajaan Thailand terhadap proses rundingan dan pelaksanaan kerjasama sempadan sebenarnya diselindungi oleh beberapa kepentingan tertentu, terutamanya berpunca dari permasalahan di tiga wilayah di Selatan Thailand. Permasalahan tiga wilayah ini yang terdiri dari wilayah Pattani, Narathiwat dan Yala, berpunca daripada pergerakan para pejuang pemisah yang terdiri daripada masyarakat minoriti Melayu Muslim yang menuntut kemerdekaan Wilayah Selatan dari kerajaan Thailand. Justeru, dari awal proses pembentukan Perjanjian Am Sempadan pada tahun 1949, seterusnya ditandatangani semula pada tahun 1965 dan dikaji semula pada tahun 1968 dan 1970, permasalahan wilayah Selatan Thailand menjadi percaturan utama untuk menjayakan kerjasama sempadan. Bagi membuktikan bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akur dengan persetujuan Persidangan Songkhla, serta didalangi oleh seorang pegawai British yang sememangnya pro kepada Phibul Songgram, maka Kerajaan

Persekutuan Tanah Melayu terpaksa bertindak ke atas pemimpin pergerakan pemisahan yang berada di Kelantan. Dengan itu beberapa siri tekanan, amaran dan tangkapan telah dilakukan ke atas pemimpin Pattani di Kelantan. Hal ini juga membawa kepada penangkapan ramai pemimpin Gabungan Melayu Pattani Raya (GEMPAR) dan aktiviti-aktiviti GEMPAR diharamkan (UThailand Dulyakasem, 1984:238). Signifikasinya, permainan politik kerajaan Thailand telah melemahkan pergerakan pemisahan Melayu Pattani bagi mendapatkan hak '*self-determination*'.

Terdapat juga rancangan sulit kerajaan Thailand untuk menghapuskan golongan intelektual Pattani dengan menyediakan banyak kemudahan hospital dan perubatan untuk golongan Melayu Pattani. Akibatnya, ramai cendekiawan Pattani yang berpengaruh didapati mati di hospital tersebut seperti Paksu dan Chekming. Terdapat pembunuhan misteri yang dilakukan oleh kerajaan Thailand terhadap masyarakat Pattani seperti yang dialami oleh Ustaz Abdulrahman Ejok, Abdulrahman Nadtokmong, Ustaz Abdullah Ngoh, Ding Amnuai Yusuf, Ustaz Mat Chik dan banyak lagi. Tambahan pula, harta dan tanah masyarakat Pattani di kawasan terpencil seperti Pileng, Weng Bendang Setar, Rakok dan Rusa dirompak oleh agensi dan pihak berkuasa kerajaan Thailand (UThailand Dulyakasem, 1984:6). Dalam beberapa kes yang telah diutarakan jelas menunjukkan wujudnya unsur-unsur penyelewengan dan pengabaian tanggungjawab kerajaan terhadap hak asasi masyarakat Pattani. Fenomena ini telah menyumbang kepada perkembangan gerakan pemisahan bagi mendapatkan satu autonomi dari pihak kerajaan Thailand.

Di wilayah Pattani, Kerajaan Thailand sememangnya ingin mengekalkan keutuhan wilayah dan tidak akan membenarkan wilayah Pattani mengecapi autonomi kemerdekaan daripada mereka. Pertembungan kepentingan ini menyebabkan Melayu Pattani sentiasa melancarkan banyak siri gerakan pemisahan untuk menuntut autonomi daripada pihak kerajaan Thailand.

Melayu Pattani mengubah taktik perjuangan mereka dengan menubuhkan pelbagai organisasi gerakan pemisahan dengan menggunakan dominasi politik. Antaranya ialah perubahan Gabungan Melayu Pattani Raya (GEMPAR) selepas Perang Dunia Kedua, namun ia didaftarkan sebagai badan kebajikan pada 5 Mac, 1948 di Kota Bahru, Kelantan untuk mengelakan sebarang masalah (Omar Farouk, 1984:237). Pelbagai aktiviti telah diatur dan mendapat kerjasama daripada Parti Kebangsaan Malaya untuk menyebarkan propaganda mengenai Pattani. Pada Mac 1948, GEMPAR telah mengeluarkan risalah untuk disebar kepada pertubuhan politik dan akhbar-akhbar tempatan dan antarabangsa. Isu yang diutarakan telah mendapat perhatian dari pelbagai

pihak termasuk pertubuhan-pertubuhan politik di Tanah Melayu dan Singapura. Mereka memberikan sokongan dan menyatakan pembelaan terhadap nasib masyarakat Melayu Pattani (Nik Anuar Nik Mahmud, 1999:72). Peristiwa perisytiharan darurat di Tanah Melayu oleh pihak British pada 1948 turut mempengaruhi perjuangan Melayu Pattani. Ini berikutan banyak parti-parti politik berhaluan kiri telah diharamkan di Tanah Melayu. Sementara itu, ramai di kalangan pemimpin tempatan yang terlibat menyokong perjuangan Melayu Pattani ditangkap oleh pihak British kerana desakan pihak kerajaan Thailand kepada pihak British agar membendung kegiatan pemimpin Pattani di Tanah Melayu (Ahmad Fathy al-Fatani, 199:106).

Pergerakan pemisahan Melayu Pattani menjadi lebih kritikal apabila British membubarkan GEMPAR. Ramai masyarakat Pattani yang berada di Kota Bahru dipindahkan ke sebuah petempatan khas di Pasir Puteh dan Besut, di samping itu pergerakan para pemimpin mereka turut diawasi oleh pihak British. Di peringkat antarabangsa pula, GEMPAR telah dibantu oleh Barbara Whittingham-Jones, iaitu seorang wartawan British. Barbara telah menulis tentang pergolakan di Pattani dalam akhbar dan majalah antarabangsa iaitu *The Times* dan *Eastern World*. Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh wakil-wakil Asia dan Arab untuk membawa isu Pattani ini ke peringkat Bangsa-bangsa Bersatu, ia tetap gagal mempengaruhi mana-mana negara untuk dibawa dan dibincangkan dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu (Nik Anuar Nik Mahmud, 1999:74). Signifikannya, wilayah Melayu Pattani di selatan Thailand, pengistiharan darurat dan kegagalan perjuangan melalui GEMPAR melalui gerakan rahsia telah melemahkan perjuangan Melayu Pattani. Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 telah membangkitkan semula semangat masyarakat Melayu Pattani. Perang secara gerila dianggap perlu dan telah membawa kepada perjuangan tahap kedua dan akhirnya memperlihatkan kemunculan Barisan Revolusi Nasional (BRN) pada 1960 (Omar Farouk, 1984:238).

Kemunculan BRN lebih bersifat politik dan didokong untuk memperjuangkan nasib masyarakat Melayu Pattani. BRN mempunyai ideologi dan organisasi yang jelas dalam usaha untuk memantapkan perjuangan mereka. Ia bukan saja dilihat sebagai gerakan pemisah tetapi ia secara terang-terangan membangkitkan semangat nasionalisme terhadap seluruh umat Melayu Pattani. Pembentukan Malaysia pada 1963 menyemarakkan lagi semangat Melayu Pattani untuk mendapatkan kemerdekaan dari kerajaan Thailand. Namun, terdapat juga konflik dalaman yang berlaku sehingga membantutkan beberapa usaha perjuangan Melayu Pattani. Kumpulan pertama yang berpisah dari BRN telah menubuhkan Parti Revolusi Nasional (PARNAS), pada 1965 dengan

sokongan anasir-anasir penentang agama dalam BRN tetapi sejauhmana keberkesanan perjuangan mereka masih kurang jelas (Omar Farouk, 1984:240). Perjuangan BRN akhirnya diganti oleh satu pertubuhan yang lebih bersifat Islam Konservatif iaitu Barisan Nasional Pembebasan Pattani (BNPP). Ia ditubuhkan pada 10 September 1971 di Kelantan dan dipimpin oleh Tengku Abdul Jalal (Adun Na Saiburi) oleh kumpulan serpihan BRN. Perjuangan dan strategi BNPP lebih mantap kerana ia mempunyai hubungan yang baik diperingkat antarabangsa dengan mempunyai beberapa perwakilan di negara-negara Arab dan organisasi-organisasi antarabangsa termasuk *Islamic Secretariat, The Arab League* dan *The Palestinian Liberation Organisation* (PLO) (Omar Farouk, 1984:242).

Bagi melemahkan pergerakan pemisahan wilayah Pattani, kerajaan Thailand sering memantau keselamatan agar gerakan pemisah Melayu Pattani ini tidak menimbulkan ancaman kepada autoriti kerajaan pusat. Umpamanya pada 1970-an, rejim tentera Thanom Kittikachorn amat bimbang dengan kemungkinan berlakunya kerjasama di antara TNPRP dengan PKM, maka kerajaan mula mengambil langkah melaksanakan pembangunan ekonomi di wilayah selatan. Unit Pembangunan bergerak dihantar ke kampung-kampung di wilayah selatan Thailand. Rancangan ini adalah sebahagian daripada strategi untuk memerangi golongan pejuang pemisah Pattani secara halus. Antaranya menyalurkan beberapa prasarana seperti pembinaan jalan, penambahan sumber elektrik, sistem pengairan dan sistem bekalan air. Tambahan pula, pegawai Thailand digalakkan mempelajari bahasa Melayu dan menghormati budaya Islam, memberi kebebasan beragama dan mendirikan masjid di Pattani yang berharga US\$200,00. Namun begitu pada masa yang sama tentangan terhadap gerakan pemisah ditingkatkan. Polisi Thanom nampaknya agak berkesan. Disebabkan wujudnya sokongan kepada kerajaan Thailand, TNPRP terpaksa bergantung kepada memeras ugut dan menculik untuk meningkatkan tabungannya. Tindakan ini menyebabkan ia disisihkan oleh masyarakat Melayu Thailand. Dalam tahun 1970-an, TNPRP berhadapan dengan masalah yang besar apabila kebanyakan pemimpinnya ditangkap atau dibunuh oleh tentera Thailand. Pada bulan November 1975, protes dilancarkan di wilayah selatan apabila lima orang Melayu Islam dibunuh oleh tentera Thailand. Lebih 50,000 masyarakat Melayu Thailand mengadakan demonstrasi di Pattani dan PULO mengancam untuk melakukan pembalasan.

Pada 4 Disember 1975, sebutir bom dilemparkan kepada kumpulan penduduk yang berdemonstrasi di Pattani dan membunuh sebelas orang serta mencederakan empat puluh empat orang. Serangan ini disyaki dilakukan oleh kumpulan pergerakan sayap kanan Thailand Buddha. Berikutan dengan

keganasan yang dilakukan oleh kumpulan Thailand Buddha ini, satu kumpulan yang dikenali sebagai Sabilillah telah meletakkan dua butir bom di lapangan terbang Don Muang. Satu letupan mencederakan empat orang. Seketika kemudian dua bom meletup di Stesyen Keretapi Hadyai yang mencederakan 12 orang. Pada 22 September 1977, pergerakan pemisah Melayu telah melancarkan dua serangan besar apabila dua bom buatan sendiri meletup berhampiran Raja Bhumibol dan Permaisuri Sirikit sewaktu lawatan diraja dilakukan di Yala. Lima orang terbunuh dan empat puluh tujuh orang cedera, manakala Raja dan Permaisuri terselamat. Berikutan dari peristiwa ini, empat orang Melayu Muslim ditangkap dan dituduh terlibat dalam serangan tersebut. Mereka ini kemudiannya mengakui bahawa mereka adalah ahli PULO. Peristiwa ini mengejutkan negara dan menyebabkan pentadbiran Tanin Kraivixien ditumbangkan.

Dalam tahun 1987, pelajar-pelajar perempuan Melayu Muslim di Pusat Latihan Perguruan Yala, dilarang memakai 'hijab' telah menganjurkan demonstrasi. Melihatkan kemungkinan keadaan ini tidak dapat dikawal, kerajaan Thailand telah membatalkan larangan tersebut, tetapi penarikan larangan ini telah menyebabkan para pelajar Buddha pula melakukan demonstrasi. Menjelang tahun 1990-an, tindakan penganiayaan dan pembunuhan masih berterusan.

Pada bulan Mei dan Jun 1990, tindakan kerajaan Thailand menunjukkan sikap tidak bersungguh-sungguh menyiasat pembunuhan seorang perempuan dan anaknya di Yaha, wilayah Yala yang dibunuh oleh Pasukan Keselamatan Tempatan Thailand telah menyebabkan 10,000 dan 20,000 orang Melayu Muslim menyertai tunjuk perasaan (Handley, 1990:23). Pada bulan Ogos dan September 1993, menyaksikan lebih banyak keganasan dilakukan. Pada 1 Ogos 1993, 34 buah sekolah di Wilayah Yala, Narathiwat dan Pattani telah dibakar dan serangan dilakukan ke atas Perbadanan Jurutera Tentera di Wilayah Yala pada 17 Ogos 1993 menyebabkan dua tentera terbunuh. Seterusnya, pada 22 Ogos satu serangan keretapi dilancarkan yang menyebabkan seorang pelajar terbunuh dan mencederakan sembilan orang (Tasker, 1993:20). Dalam permasalahan keganasan dan pemberontakan yang telah berlaku ini, kerajaan Thailand seringkali menyalahkan gerakan pemisah Melayu Muslim.

Terdapat banyak penyembunyian kes oleh pihak kerajaan Thailand terhadap isu Melayu Pattani. Pada 10 Jun 1990, ramai pemimpin penunjuk perasaan Krisik diambil tindakan undang-undang oleh kerajaan Thailand. Salah seorang pemimpin penunjuk perasaan tersebut ialah Abdulrahman Yusoh yang telah

ditangkap dan dituduh sebagai pemberontak serta pelbagai tuduhan lain pada 28 Julai 1990. Terdapat beberapa penunjuk perasaan yang lain telah dibunuh secara rahsia selepas demonstrasi. Wae Doloh adalah salah seorang yang telah dibunuh oleh polis rahsia.

Menurut beberapa sumber *Amenesty International* yang menyebut pada tahun 1990 terdapat tujuh belas ahli gerakan pemisah Pattani yang masih berada di penjara dan sebahagiannya secara aneh telah dijatuhi hukuman penjara selama 200 tahun dan dinafikan untuk membuat sebarang rayuan (Pattani National Youth Movement, [http://www.Geocities.Com/capitol\\_hill/senat/6492/panyom/hist.html](http://www.Geocities.Com/capitol_hill/senat/6492/panyom/hist.html)). Pada tahun 1993-1995, kerajaan Thailand telah menangkap beberapa ulama (intelektual) Pattani dan dituduh membakar lima belas buah sekolah kerajaan di Jala, Narathiwat dan Pattani. Hakikatnya perkara ini dilakukan oleh askar-askar Thailand yang mengatur dan melaksanakan operasi dalam usaha untuk mendapatkan lebih peruntukan dari kerajaan bagi menangkap ulama Pattani yang disyaki sebagai pendokong gerakan pemisah. Mereka yang tidak bersalah ini diantaranya ialah Ku Ibrahim Kotanila, Daud Kerongpinang dan tiga guru Pattani yang lainnya telah ditangkap selepas operasi ini (Pattani National Youth Movement, [http://www.Geocities.com/capitol\\_hill/senat/6492/panyom/hist.html](http://www.Geocities.com/capitol_hill/senat/6492/panyom/hist.html)).

Pada masa yang sama, rejim Thailand mengamal dasar penghapusan etnik. Penyaluran dan penggunaan dadah di kalangan generasi muda Melayu Pattani berleluasa di setiap wilayah, daerah, mukim dan kampung, sehingga wilayah-wilayah yang diduduki oleh masyarakat Melayu Pattani khususnya di wilayah Bangnara telah mencatat rekod penyalahan penggunaan dadah yang paling tinggi di Thailand dengan kadar 82 peratus. Penglibatan penyalahgunaan dadah membawa bencana yang dahsyat kepada masyarakat Melayu Pattani kerana pada masa yang sama penyebaran wabak penyakit AIDS begitu meluas. Mengikut statistik yang boleh dipercayai, kadar penyebaran HIV dan bilangan mereka yang membawa kuman AIDS di kalangan pelacur di Thailand, terutama di wilayah selatan (Pattani) adalah 80-85 peratus. Cara ini adalah yang paling mudah dan berkesan bagi rejim Thailand untuk memadam api pemberontakan di Pattani (Pattani National Youth Movement, <http://www.Geocities.com/capitolhill/senat/6492/panyom/hist.html>).

Keutuhan agama Islam yang sekian lama bertahan di bumi Pattani sudah boleh ditembusi. Penggunaan dadah dan pelacuran mengakibatkan jangkitan HIV kepada mereka tetapi bukan setakat itu bahkan mereka menyalurkan HIV kepada isteri dan anak mereka. Dalam tempoh antara satu sehingga sepuluh tahun, mereka ini (pembawa HIV) akan bertukar kepada satu penyakit yang

amat digeruni dan membawa maut iaitu penyakit AIDS. Beberapa kampung Pattani telah mula terasa bahang wabak penyakit ini, maklumat yang diterima bahawa terdapat pemuda dan pemudi yang telah menjadi korban penyakit AIDS lebih dari sepuluh orang dalam satu kampung. Ini bererti yang membawa kuman HIV itu masih ramai lagi, hanya menunggu masa dan hari sahaja. Ia memberi petanda buruk kepada masyarakat Melayu Pattani kerana mereka akan hilang satu generasi pada masa kini dan dalam tempoh tidak lebih dari lima puluh tahun lagi, masyarakat Melayu Pattani, mungkin akan lenyap dari bumi Pattani itu sendiri. Namun, belum ada langkah dan tindakan penyelesaian dari pihak berkuasa Thailand dalam mengatasi masalah ini, bahkan ia adalah dasar kerajaan Thailand yang lebih berkesan dalam menghadapi revolusi masyarakat Melayu Pattani.

Rejim Thailand bijak bermain politik terhadap masyarakat Melayu Pattani dan negara-negara Islam dengan menggunakan dua personaliti iaitu Dr. Surin Pitsuwan, Menteri Luar dan Muhammad Nor Matha iaitu Speaker Dewan Rakyat Thailand, bagi mengaburi mata orang Islam dan dunia orang Islam bahawa kerajaan Thailand adalah sebuah negara demokrasi, mempunyai hak kebebasan sama rata dan tidak ada penindasan etnik di Thailand. Kerajaan Thailand telah berjaya memperdaya negara jiran yang berketurunan dan seagama dengan Melayu Pattani dengan penangkapan ke atas pemimpin PULO dan rakan-rakannya di Kuala Kangsar, Perak, Malaysia pada 13 Januari 1998. Kejayaan ini adalah hasil persefahaman dan kerjasama antara Dr. Surin Pitsuwan dengan pihak berkuasa Malaysia. Kerajaan Thailand telah menggunakan kedudukan Surin sebagai orang Islam untuk menghapuskan kekuatan dan revolusi Islam di Pattani. Menurut *Far Eastern Economic Review* keluaran 27 Julai 1998, Thailand belum pernah mencapai kejayaan seperti ini dalam menghadapi kebangkitan masyarakat Melayu Pattani. Jelas, kerajaan Thailand telah menggunakan segala wasilah yang ada untuk menyekat kebangkitan Islam, Thailand dan menggunakan orang Islam sendiri untuk menghancurkan perjuangan Melayu (Islam) di Pattani (Pattani National Youth Movement, <http://www.Geocities.Com/capitolhill/senat/6492/panyom/hist.html>).

Natijahnya, gerakan penghapusan secara terang-terangan mahupun secara halus oleh pihak kerajaan Thailand telah membantutkan usaha pihak pemisah untuk memperjuangkan hak mereka. Autoriti 'self-determination' yang diperjuangkan oleh mereka sering berakhir di peringkat antarabangsa. Pihak PBB tidak memberi sebarang tindak balas yang positif dalam usaha menangani krisis yang berlaku di wilayah Pattani di selatan Thailand. Sehingga ke hari ini, gerakan pemisahan kemerdekaan Melayu Pattani tetap berjuang bagi

mendapatkan hak wilayah mereka yang telah dirampas oleh pihak kerajaan Thailand.

## **WILAYAH TIMOR TIMUR**

### **Faktor-Faktor Kebangkitan Gerakan Pemisahan**

Rakyat Timor Timur melancarkan penentuan hak asasi mereka menerusi kerajaan *de facto* Fretilin bagi menentukan masa depan mereka. Masyarakat Timor Timur mula memperjuangkan hak penentuan sendiri atau '*self-determination*' pada 28 November 1975 apabila *de facto* kerajaan Fretilin mengisytiharkan kemerdekaan danewartakan Timor Timur sebagai sebuah republik demokratik. Namun, selepas sembilan hari perisytiharan tersebut iaitu pada 7 Disember 1975 pihak Indonesia telah melancarkan serangan ke atas Timor Timur yang berpusat di Dili (Carmel & Liem, 1984:1).

Perjuangan kemerdekaan Timor Timur telah wujud sejak kejatuhan regim Portugal. Seajar dengan itu, beberapa organisasi politik telah muncul bagi mamantapkan lagi perjuangan ke arah kebebasan autonomi. Antaranya ialah *Uniao Democratica Timorese* (UDT) yang dianggotai oleh golongan elit yang terdiri daripada bekas pegawai tinggi. Pada dasarnya, UDT memperjuangkan kemerdekaan penyatuan dengan Indonesia tetapi akhirnya mengubah kepada kebebasan wilayah. Parti Fretilin (*Frente Revolucionario de Timor Leste Independence*) merupakan satu gerakan bawah tanah yang mendapat sokongan daripada gerakan pembebasan Portugis di Afrika. Perjuangan Fretilin lebih kepada kebebasan mutlak ataupun kemerdekaan sepenuhnya.

Indonesia secara jelasnya meningkatkan campur tangan, beberapa pencerobohan ketenteraan dilakukan melewati sempadan yang dibantu oleh pihak tentera laut dan pengeboman oleh pihak tentera udara. Ini secara tidak langsung mengancam keselamatan di Timor Timur. Keengganan pentadbiran Portugis untuk kembali meningkatkan pencerobohan Indonesia telah mempercepatkan keputusan Fretilin untuk mengisytiharkan kemerdekaan. Penubuhan Republik Demokratik Timor Timur diistiharkan pada November 1975. Penaklukan pada Disember 1975 telah menandakan pentadbiran regim tentera Suharto dijalankan selama setahun bagi menghalang kemerdekaan Timor Timur daripada pihak Portugal. (Carmel & Liem, 1984:3). Indonesia telah mengambil kesempatan untuk menakluki bekas tanah jajahan Portugal



ketika pihak Portugal menghadapi krisis politik dan ekonomi di negara mereka.

Oleh hal demikian, pihak Portugal terpaksa melepaskan Timor Timur yang menghadapi masalah perang saudara dan seterusnya penaklukan dari pihak Indonesia. Sikap permusuhan Indonesia terhadap penubuhan Timor Timur merdeka berpunca daripada pihak sikap tentera terhadap keselamatan. Berkongsi sempadan dengan sebuah demokrasi dan berkecuali akan membawa kepada ancaman terhadap keselamatan kerajaan Indonesia. Apa yang dibimbangkan adalah pengaruh daripada kewujudan Timor Timur akan membawa kepada proses pemisahan daripada gerakan pemisahan yang lain (Carmel & Liem, 1984:10).

Penaklukan tentera Indonesia serta peperangan selama lebih 24 tahun di wilayah Timor Timur menandakan satu episod pencabulan hak asasi manusia. Peristiwa pencabulan hak asasi manusia yang berlaku di Timor Timur sejak suku abad yang lampau agak kurang diketahui oleh dunia antarabangsa sehinggalah ke tahun 1999. Apabila berlaku pergolakan politik yang melibatkan pertumpahan darah penduduk di Timor Timur. Ini berkaitan dengan pihak Australia dan Amerika Syarikat yang melindungi Indonesia daripada kencanaan pihak antarabangsa. Dengan menafikan kekejaman Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) serta pihak *Revolutionary Front for Independent East Timor* atau Fretilin dapat dikurangkan dan kedudukan Presiden Suharto dapat dikekalkan (Dunn, 1983:xi).

Presiden Sukarno merupakan seorang pemimpin yang bercita-cita tinggi dan menjalankan kempen terhadap kolonialisme dan imperialisme. Matlamatnya adalah untuk mendapatkan Irian Barat. Setelah Irian Barat dikuasai pada 1962, Sukarno menumpukan perhatian terhadap isu konfrantasi Malaysia-Indonesia. Kempen anti-kolonialisme dilaksanakan sebagai sebahagian daripada rancangan meluaskan pengaruhnya. Banyak peristiwa kekejaman yang berlaku ke atas pejuang kemerdekaan Timor Timur. Ramai di kalangan rakyat yang menyokong perjuangan Fretilin telah diseksa dan dibunuh oleh tentera Indonesia. Antaranya ialah para pejuang dalam kurungan telah diseksa contohnya di penjara yang menempatkan kaum wanita yang terdiri daripada OPMT (*Organizacao Popular da Mulher Timor*). Kebanyakan mereka telah dirogol dan bahagian badan dan buah dada mereka telah dikelar dan dicucuh dengan puntung-puntung rokok. Kaum lelaki pula dibunuh kerana mempertahankan anak-anak perempuan mereka daripada menjadi mangsa askar-askar Indonesia (Dunn, 1983:286).

Antara punca yang membawa kepada faktor-faktor kebangkitan gerakan pemisahan di Timor Timur adalah disebabkan oleh penaklukan tentera ABRI pada 7 Disember 1975. Banyak kekejaman yang telah dilakukan oleh pihak tentera Indonesia terhadap rakyat Timor Timur. Laporan-laporan menunjukkan bahawa banyak kawasan petempatan yang dibakar oleh pihak tentera dan lebih daripada 2000 nyawa telah terkorban terutamanya kaum perempuan dan kanak-kanak. Terdapat juga pembunuhan yang dilakukan terhadap orang yang menyerah diri. Kaum wanita dibunuh perlahan-lahan dengan dikelar dengan pisau. Selain itu, ramai di antara mangsa yang mati disebabkan oleh kebuluran, penyakit, diseksa hidup-hidup dan beberapa siri kekejaman yang lain. Kekejaman di Lakluta memperlihatkan kekejaman yang paling dahsyat, tentera Indonesia memegang kaki anak-anak kecil dan memusingkan ke udara sebelum dihempaskan ke batu besar. Kejadian pembunuhan di Lakluta menyaksikan dua puluh buah lori tentera melepaskan tembakan membabi buta terhadap penduduk yang berada di rumah-rumah. Batalion yang dihantar ke kawasan berkenaan adalah Batalion 744/5, kebanyakan laporan menyatakan bahawa mangsa serangan adalah terdiri daripada kaum perempuan dan kanak-kanak, bukannya tentera Fretilin.

Bagi menutup kesalah pihak tentera, semua bupati (ketua-ketua kampung) dikerah untuk menandatangani dokumen bagi menafikan kejadian tersebut Carmel & Liem, 1884:129). Walaupun banyak tekanan yang dikenakan ke atas pejuang pemisah kemerdekaan Timor Timur, ia sedikitpun tidak mematahkan semangat mereka untuk mendapatkan kebebasan autonomi. Dalam tahun 1976, pihak Fretilin berjaya mempertahankan zon barat dengan kekuatan 1,800 orang tentera. Tentera Indonesia hanya menduduki beberapa kawasan di bandar dan kampung-kampung, banyak lagi kawasan di Timor Timur masih belum dikuasai oleh tentera Indonesia (Taylor, 1991:80).

### **Faktor-Faktor Yang Menghalang Gerakan Pemisahan**

Bagi melemahkan pejuang pemisah kemerdekaan di Timor Timur, operasi Komodo telah dilancarkan untuk menghuru-harakan Timor Timur sebagai langkah persediaan ke arah penaklukan Timor Timur. Timor barat diisytiharkan sebagai kawasan larangan bagi wartawan asing. Pada awal 1975, UDT telah menjalinkan pakatan dengan Fretilin untuk mendesak Portugis memberi kemerdekaan. Walau bagaimanapun, Indonesia menggunakan UDT bagi tujuan menakluki Timor Timur. Indonesia memberi jaminan bahawa kemerdekaan akan diberikan sekiranya Fretilin dapat dimusnahkan. UDT meninggalkan pakatan dengan Fretilin pada Mei 1975. Akhirnya, UDT melancarkan rampasan kuasa di Dili bagi tujuan merampas pemerintahan dari

pihak Portugis dan menghapuskan Fretilin sebagai sebuah kuasa politik. Walau bagaimanapun, rancangan ini gagal kerana Fretilin mendapat sokongan daripada seluruh rakyat Timor Timur. Indonesia mengambil kesempatan dengan membuat deklarasi terhadap pihak UDT sebelum mereka dibenarkan memasuki wilayah Indonesia.

Antara cubaan dan halangan yang dilakukan ke atas pejuang pemisahan kemerdekaan Fretilin dalam menuntut kemerdekaan adalah disebabkan oleh tindakan melancarkan strategi memecah-belahkan sokongan dengan melatih penduduk Timor Timur untuk menentang perjuangan mereka. Pihak tentera Indonesia telah menubuhkan dua batalion tentera di kalangan penduduk Timor Timur iaitu Batalion 744 dan 745. Tujuan penubuhan ini adalah untuk melatih orang-orang tempatan menentang Fretilin. Penduduk Timor Timur turut dikerah untuk menganggotai *Hansip* atau *Pertahanan Sipil* (Dunn, 1983:307).

Pihak tentera Indonesia telah berjaya menawan beberapa kawasan seperti Ainaro, Maubisse, Ermera dan Viqueque. Walaupun kawasan tawanan ini bersifat sementara, ia sudah memadai bagi pihak tentera Indonesia melancarkan serangan ke bahagian markas utama Fretilin di kawasan pergunungan. Di samping itu, ia dapat melemahkan pergerakan Fretilin dengan melancarkan artileri dan roket ke kawasan kubu pejuang kemerdekaan Fretilin. Oleh hal demikian, pada pertengahan 1976 corak perjuangan Fretilin bersama-sama dengan penduduk setempat yang menyokong mereka lebih bersifat gerila dengan melancarkan serangan dari pelbagai penjuru terhadap pihak tentera Indonesia. Kekurangan bekalan senjata dan sumber makanan semakin ketara pada 1977, ia turut menjadi penghalang kepada pihak Fretilin mencabar kekuatan pihak tentera Indonesia. Sementara itu, pihak tentera Indonesia melancarkan misi '*search and destroy*' di kawasan pusat pergunungan dan memutuskan bekalan makanan kepada pejuang Fretilin (Dunn, 1983:307).

Dalam siri peperangan dengan pihak tentera Indonesia, ramai pemimpin dalam perjuangan pemisahan terkorban. Keadaan ini sedikit sebanyak mengugat kepimpinan Fretilin untuk terus memerangi pihak tentera Indonesia. Sejak melancarkan kempen perjuangan dari September 1977 hingga Mac 1979, 79 peratus ahli dalam *Supreme Command* telah terkorban. Di samping itu, banyak kawasan markas sokongan telah dimusnahkan oleh tentera Indonesia. Hubungan telekomunikasi dengan pihak luar telah diputuskan. Implikasinya, ia telah melemahkan gerakan perjuangan Fretilin (Carmel & Liem, 1984:67).

Pihak tentera Indonesia telah melancarkan serangan roket pelbagai guna yang dikenali sebagai '*Stalin's Organ*'. Menurut Jabatan Pertahanan Amerika

Syarikat, senjata tersebut merupakan buatan tempatan. Dalam musim kering, pelancaran senjata tersebut begitu berkesan terhadap kawasan petempatan Fretilin yang kebanyakan diperbuat daripada pelepah kering di kawasan pergunungan (Dunn, 1983:311).

Halangan-halangan yang terpaksa dihadapi oleh pihak pejuang gerakan pemisahan kemerdekaan di Timor Timur adalah disebabkan oleh peranan pihak kuasa besar yang sering menjadi dalang di sebalik krisis. Beberapa laporan membuktikan bahawa para askar Indonesia yang dikaitkan dengan keganasan di Timor Timur telah menerima latihan daripada pihak Amerika Syarikat di bawah tajaan pentadbiran Bill Clinton. Menurut *The Observer*, pihak London telah membelanjakan kira-kira sejuta pound bagi melatih askar Indonesia di Britain. Ramai di kalangan askar tersebut telah terlibat secara langsung dengan keganasan terhadap penduduk Timor Timur yang pro-kemerdekaan. *The Observer* memetik dokumen Pentagon yang menyatakan di antara unit tentera Indonesia yang menerima latihan ialah Unit Komando Pasukan Khusus (KOPASSUS) yang bertanggungjawab terhadap beberapa pelanggaran hak asasi manusia di Indonesia.

Antara aspek lain yang menimbulkan ketidakpuashatian dari pihak penduduk di Timor Timur adalah disebabkan oleh dasar ketidakadilan oleh pemerintahan Indonesia dalam pilihanraya. Hak kebebasan dalam memilih pucuk pimpinan telah dikawal sepenuhnya oleh pihak kerajaan Indonesia bagi memastikan kemenangan berpihak kepada mereka. Pada pilihanraya pada 1982 dan 1987, hanya parti Golkar yang dibenarkan membuat kempen. Sementara itu, pembuangan undi dikawal oleh pihak tentera dan ramai di kalangan penduduk dipaksa agar menyokong pihak kerajaan. Di sini jelas menunjukkan bahawa pencabulan hak asasi manusia dilakukan sewenang-wenangnya kerana pihak penduduk Timor Timur tidak diberi peluang untuk menentukan pemilihan secara adil dalam pilihanraya tersebut.

Secara keseluruhannya, pencabulan hak asasi manusia yang ketara telah mendorong kepada kebangkitan gerakan pemisahan di Timor Timur untuk mendapatkan autonomi merdeka dari pihak pemerintah pusat Indonesia. Namun, banyak cabaran getir terpaksa diharungi oleh golongan pemisah kemerdekaan ini dalam usaha memperjuangkan '*self-determination*' sehinggalah pada 1999 apabila pihak PBB merestui mereka untuk melakukan referendum dan pilihanraya sama ada untuk memilih kepada kemerdekaan ataupun kekal sebagai sebahagian daripada wilayah Kesatuan Indonesia.

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya, dominasi faktor-faktor kebangkitan gerakan pemisahan di Asia Tenggara dengan merujuk kepada beberapa wilayah didorong oleh konflik politik. Intervensi kerajaan yang agak radikal terhadap golongan minoriti di wilayah Pattani, Timor Timur dan Aceh menghasilkan satu momentum dan tindak balas secara revolusioner oleh golongan pemisah yang menuntut kebebasan autonomi yang merdeka. Pencabulan hak-hak asasi manusia dilakukan sewenang-wenangnya di kawasan berkenaan tanpa belas kasihan oleh kerajaan yang memerintah. Pelancaran serangan dan gerakan penentangan dilakukan secara kejam sehinggakan meragut beratus-ratus ribu jiwa manusia yang tidak berdosa. Namun, semangat perjuangan pihak pemisahan tetap kental untuk mendapat hak '*self-determination*'.

Dalam usaha pihak perjuangan pemisahan mendapatkan hak penentuan sendiri, PBB sebenarnya tidak bersungguh-sungguh dalam menangani permasalahan yang dihadapi. Walaupun terdapat peruntukan dalam fasal undang-undang antarabangsa yang menegaskan bahawa perlindungan kepada hak-hak asasi manusia terutamanya kepada pejuang-pejuang pemisah yang beragama Islam sebagaimana terjadi di wilayah Pattani, Moro dan Aceh. Pemberian '*self-determination*' kepada Timor Timur pada 1999 menunjukkan satu natijah diskriminasi. Terdapat beberapa bukti yang menunjukkan wujudnya ketidakadilan serta penyelewengan kuasa telah dimainkan oleh pihak PBB sejurus kerajaan Indonesia menghadapi tekanan ekonomi dan pergolakan politik yang agak kritikal.

Persoalannya, mengapa Timor Timur berhak mendapat hak *self-determination* sedangkan wilayah lain seperti Pattani, Moro dan Aceh hanya diklasifikasikan dalam konteks *teritory integrity*?

Walaupun referendum yang dianjurkan terhadap penduduk Timor Timur bagi memilih *platform* halatuju mereka, namun terdapat bukti yang jelas menunjukkan keputusan pilihanraya yang dianjurkan oleh pihak PBB mempunyai anasir-anasir yang negatif. Daripada 99 peratus pengundi yang layak mengundi, 78.5 peratus telah memilih untuk merdeka dan selebihnya iaitu 21.5 peratus memilih untuk penyatuan dengan Indonesia. Akhbar-akhbar utama Indonesia yang pro-Islam menyifatkan pengundian yang dianjurkan oleh PBB merupakan satu pakatan untuk melemahkan umat Islam. UNAMET didakwa melakukan diskriminasi terhadap penduduk Islam, UNAMET hanya membenarkan pengundi yang memegang dokumen Kristian untuk mengundi. Di samping itu, ia menggunakan gereja dan penerima hadiah Nobel, Uskup

Belo yang dihormati oleh penduduk Kristian tempatan bagi memastikan kemenangan berpihak kepada golongan pro-kemerdekaan (Utusan Malaysia, 20 September, 1999).

*Self determination* atau hak penentuan sendiri merupakan satu alternatif kepada negeri-negeri yang menuntut kebebasan. Di bawah Artikel 55, pihak PBB menyatakan (Umozurike, 1972:47):

*“universal respect for, and observance of, human rights and fundamental freedoms for all without distinction as to race, sex, language, or religion. With a view to creating peaceful and friendly relation among nations on the basis of equal rights and self-determination.”*

Objektif utama adalah untuk memperjuangkan hak-hak asasi manusia, kestabilan sejagat serta memupuk perhubungan di antarabangsa. Walaupun beberapa pindaan dilakukan, resolusi yang dipersetujui tetap tidak berganjak daripada matlamat asal. Antaranya Resolusi 545 (V) yang ditetapkan bertarikh 5 Februari 1952 menegaskan:

*“The Assembly decides to include in the International Covenant or Covenants on Human Rights an article on the right of all people and nations to self determination in reaffirmation of the principle enunciated in the Charter of the United Nations. This article shall be draft in the following terms “All peoples shall have the right of self-determination”.*

Satu suruhanjaya berhubung dengan soal hak asasi manusia telah ditubuhkan pada 1946. Antara perkara yang ditekankan adalah merangkumi (Umozurike, 1972:47):

- i) *An international bill of rights.*
- ii) *International declarations or conventions on civil liberties, the status of women, freedom of information, and similar matters.*
- iii) *The protection of minorities.*
- iv) *The prevention of discrimination on grounds of race, sex, language, and religion.*
- v) *Any other matter concerning human rights not covered by i, ii, iii, and iv.*

Signifikasinya, secara nyata menunjukkan bahawa wujud satu peruntukan bagi melindungi hak-hak asasi manusia terutamanya bagi golongan minoriti. Namun, dalam bahagian pelaksanaan pula menyaksikan banyak aspek '*double standard*' oleh pihak PBB dalam menyelesaikan masalah konflik dan kedudukan masyarakat minoriti di rantau Asia Tenggara yang ditindas sebagaimana yang berlaku di Selatan Thailand iaitu merujuk kepada masyarakat Melayu Pattani, perjuangan penduduk Aceh menegakkan sebuah *Darul Islam* serta masyarakat Islam Moro di selatan Filipina. Namun, nasib masyarakat di Timor Timur telah berubah apabila mereka dibenarkan untuk mendapat satu autonomi yang merdeka daripada pihak pemerintah Indonesia berdasarkan referendum dan pengundian yang telah dijalankan.

Matlamat perjuangan pihak gerakan pemisah bukan sekadar melakukan perjuangan dengan pihak pemerintah. Perjuangan mereka turut mendapat perhatian pihak antarabangsa dan mereka sering dikecewakan di arena antarabangsa apabila pihak yang bertanggungjawab iaitu PBB masih meletakkan wilayah yang menuntut hak autonomi yang merdeka ini dibawah kategori *teritory integrity* dengan alasan sekiranya hak *self-determination* diserahkan kepada pihak pemisah ini ia akan melibatkan ketidakstabilan politik atau huru-hara di rantau berkenaan. Peranan PBB yang '*double standard*' telah mengakibatkan perjuangan gerakan pemisahan adalah sia-sia sahaja. Walhal, kesemua kawasan atau wilayah yang menuntut kebebasan telah dianiaya, ditindas dengan kejam oleh pihak berkuasa. Di bawah *Chapter* 55 dan 56 dalam undang-undang antarabangsa mengenai hak-hak asasi manusia secara jelas menunjukkan pihak yang ditindas mempunyai hak untuk membela dan hak penentuan sendiri halatuju mereka.

## BIBLIOGRAFI

- Abu Talib Ahmad. (1991). *Sejarah tanah besar Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Fathy al-Fatani (1994). *Penghantar sejarah Pattani*. Alor Setar: Pustaka Darul Salam.
- Carmel Budiardjo & Liem Soei Liong (1984). *The war against East Timor*. London: Zed Book Ltd.

- Che Man, W.K. (1990). *Muslim separatism; The Moros of southern Philippines and the Malays of southern Thailand*. Singapore: Oxford University Press.
- Christie, Clive J. (1996). *A modern history of South East Asia: Decolonization, nationalism and separatism*. London: I.B. Tauris Publishers.
- Dunn, James (1983). *East Timor – A people betrayed*. New South Wales: The Jacaranda Press.
- Forbes, Andrew D.E., Thailand muslim minorities: Assimilation, secession or coexistence?. *Asian Survey*.
- Handley, P., (1990). Deep grievances. Dalam *Far Eastern Economic Review*, 9 Ogos.
- Lim Joo-Jock & Vani S. (ed.). (1984). *Armed separatism in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (1999). *Sejarah perjuangan Melayu Pattani, 1785-1954*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pattani National Youth Movement (PANYOM). *The brief history of Pattani*. Retrieved from <http://www.Geocities.Com/capitolhill/senat/6492/panyom/hist.html>
- Tasker, R. (1993). Southern discomfort. Dalam *Far Eastern Economic Review*, 2 September.
- Taylor, John G. (1991) *Indonesia's forgotten war – The hidden history of East Timor*. London: Zed Books Ltd.
- Umozurike, Oji Umozurike. (1972). *Self determination in international law*. London: Archon Books.